

29/04/2003

Rakyat sokong Pak Lah ganti Mahathir

Hardi Effendi Yaacob

KUCHING: Pelantikan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Perdana Menteri kelima, menggantikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan mendapat sokongan penuh daripada rakyat Malaysia.

Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin, berkata rakyat yakin beliau mampu menyandang jawatan penting itu yang mempunyai tanggungjawab yang besar.

"Keupayaan Abdullah sudah pun terbukti berikutan pelantikannya sebagai Pemangku Perdana Menteri sementara ketiadaan Dr Mahathir yang bercuti sejak beberapa bulan lalu.

"Ini bermakna beliau sudah mendapat kepercayaan kerajaan, lebih-lebih lagi Dr Mahathir," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Pemimpin Bersama Rakyat di Masjid Kampung Tabuan Lot, di sini, semalam.

Hadir sama, Menteri Muda Perumahan Negeri, Dr Abang Abdul Rauf Abang Zen; Ketua Pemuda Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) Sarawak, Dr Abdul Rahman Junaidi.

"Hakikatnya, hanya beliau yang layak memegang jawatan penting itu ketika ini kerana beliau bukan saja berpengetahuan luas, malah kaya dengan pengalaman dalam pentadbiran negara.

"Pengalaman Abdullah yang sudah banyak kali jatuh bangun dalam arena politik negara menjadikan beliau aset yang begitu berharga selepas ketiadaan Dr Mahathir kelak.

"Yang pasti, Abdullah akan meneruskan segala perancangan Dr Mahathir dalam usaha membangunkan negara, sekali gus meningkatkan taraf hidup rakyat ke arah Wawasan 2020," katanya.

Zainuddin turut memberikan jaminan tiada sebarang pembaharuan drastik akan berlaku dalam waktu terdekat, khususnya selepas pelantikan Abdullah sebagai Perdana Menteri.

Justeru, beliau menggesa rakyat supaya terus memupuk perpaduan sesama mereka, sekali gus mengekalkan keamanan di negara ini walaupun berbeza pegangan agama dan fahaman politik.

"Ini penting bagi memastikan kita terus merdeka daripada sebarang anasir jahat yang bertujuan memusnahkan negara dan bangsa kita, selain penjajahan oleh Barat seperti yang berlaku di Iraq.

"Peristiwa Iraq menjadikan pengajaran yang berguna untuk kita. Rakyatnya yang tidak bersatu memudahkan kuasa jahat Amerika (Syarikat) menjajah Iraq," katanya.